

Terjemah mesej dengan berkesan

DARI HALAMAN 19

Kita lihat rangkap pertama untuk melihat unsur yang dimaksudkan dalam puisi berkenaan;

*Rasuah, rasuah, rasuah
Di mana-mana kita
berada ada sahaja
sebutan rasuah
Rasuah adalah satu
pengkhianatan kepada
manusia dan negara
Yang memberi padah dan
sengsara
Rasuah
Engkaulah pengkhianat
yang boleh
menghancurkan sesiapa*

Jika dilihat, dalam rangkap di atas, perkataan *rasuah* diulangi tujuh kali. Hal yang sedemikian ini sedikit sebanyak mengganggu kelancaran dan keindahan puisi berkenaan. Dalam menulis puisi, penulis perlu ekonomis. Biar ringkas tetapi tuntas. Di samping hal yang sedemikian itu, penulis perlu bijak memilih diksi agar mampu menimbulkan kesan yang mampu menyentuh naluri dan perasaan pembaca. Kesan yang mampu menyedarkan dan menginsafkan. Untuk menghasilkan puisi yang baik, penguasaan tentang bahasa amat penting, terutamanya dalam konteks kosa kata yang tersimpan dalam minda. Hal yang sedemikian ini jarang-jarang diberikan perhatian, sedangkan dalam apa-apa juga genre karya, penguasaan bahasa berupa prasyarat primer.

Andai kata ingin dibaiki atau dimurnikan gagasan idea dalam rangkap berkenaan, mungkin boleh diringkaskan rangkap berkenaan sebegini;

*Rasuah
khianat yang menjarah
virus pemusnah
tularan padah
Ringkas dan tuntas,
namun mengesankan.
Sekadar contoh. Mungkin
penulis boleh memikirkan
cara dan lenggok penulisan
yang berbeza berdasarkan
contoh yang diberikan.*

Hal yang jelas, penulis

masih terikat dengan konteks penulisan rencana. Dalam erti kata lain, pola penulisan puisi masih belum dikuasai dengan sepenuhnya. Bukan bererti penulis gagal. Penulis mempunyai banyak ruang dan peluang untuk mengasah dan membentuk kebijaksanaan dalam penghasilan puisi yang baik.

Dalam rangkap kedua dan seterusnya, terkesan kelemahan penekanan terhadap kesatuan atau kesepaduan idea yang terarah secara kronologi. Dalam konteks ini, penulis perlu memberikan fokus tentang kerangka idea karya. Perkara yang dimaksudkan adalah luahan idea itu biarlah umpama seseorang yang memasuki sebuah rumah. Langkah mulanya di kaki tangga, kemudian bergerak ke arah anjung, melewati pintu, menapak ke ruang tamu, menyusuri ruang kamar, menjejaki ruang makan, dapur dan akhirnya keluar dari pintu belakang. Dan hal yang penting, apa-apa juga unsur yang tidak sepatutnya ada sepanjang pergerakan tersebut, harus disisihkan. Umpamanya, selepas ruang tamu, menapak ke padang bola. Sekadar contoh. Hal yang sedemikian ini pastinya menimbulkan kejanggalan.

Secara keseluruhannya puisi ini masih boleh dimurnikan lagi agar menjadi sebuah puisi yang baik. Kelemahan dari segi bahasa perlu diatasi. Mungkin dalam keghairahan penulis melahirkan kebenciannya terhadap gejala rasuah, mahupun kesungguhannya untuk menyedarkan masyarakat umum tentang tanggungjawab semua pihak untuk menangani masalah ini, penulis secara tidak sedar mengabaikan aspek keindahan serta kepersisan berbahasa.

Puisi *Suara Perwira* oleh Ferdrick Adam Gawa pula mengetengahkan persoalan patriotisme. Puisi ini memberi mudah, polos dan

tidak berlapis dari segi maknanya. Rangkap pertama dan kedua membicarakan tentang keterujaan semangat perwira apabila menghadapi situasi pertempuran. Lihat saja bagaimana penulis merungkaikannya:

*Gendang sudah dipalu
Senjata berat menjadi
penentu
Sorak-sorai laungan
keramat
Tidak menyerah Sang
Penunduk Kiamat*

*Dalam satu menjadi kuat
Arahan keluar menjadi
matlamat
Saat iman terasa tergugat
Jangan dimenangkan
walau setingkat*

Daripada dua rangkap yang paparkan, mudah untuk menyelami pemikiran penulis. Perkara yang diketengahkan adalah perlunya pematuhan arahan dan kekuatan semangat apabila berada di medan tempur. Mudah. Lewat rangkap ketiga, penulis menekankan pentingnya semangat persahabatan atau *camaradrie* semasa menghadapi musuh bagi mengelakkan korban. Dalam erti kata lain, "kita jaga kita". Penulis merungkaikannya sebegini:

*Perasaan semangat
membara
Dalam mengirat tali
persaudaraan
Menuju arah puncak jaya
Tidak akan putus hilang
nyawa.*

Secara keseluruhannya puisi ini boleh dibaiki lagi. Persoalan yang diketengahkan adalah persoalan besar yang harus ditangani bersama.

Namun demikian, penulis gagal untuk menimbulkan rasa teruja dalam hati pembaca disebabkan kebersahajaannya menyampaikan persoalan ini lewat puisinya. Jasad puisi memang ada, namun rohnya tiada.

Dari segi pemilihan diksi, Ferdrick perlu memperbanyak pengetahuan tentang kosa kata bahasa Melayu. Pemilihan diksi yang ber-

sesuaian pastinya membangkitkan nilai keindahan puisi berkenaan. Pemilihan ungkapan atau kata-kata seperti *Sang Penunduk Kiamat, sorak-sorai laungan keramat, arahan keluar, mengirat, dan putus hilang nyawa* boleh digantikan dengan ungkapan atau istilah lain yang lebih sesuai dan persis. Tidak dinafikan bahawa dalam proses penulisan puisi, pengkarya ingin mewujudkan istilah-istilah tertentu yang pentakrifannya bersandarkan persepsinya. Namun, perlu diingatkan bahawa istilah yang diguna pakai biarlah logik dan tidak bercanggah dengan kebenaran.

Tiga rangkap puisi berkenaan, andai dimurnikan boleh disatukan menjadi satu rangkap seperti yang berikut;

*Laungkan oja kalimat
bangkitkan semangat
padukan jiwa perwira
depani musuh durjana/
bangsa.*

Beralih kepada puisi *Wajah Rindu*, Alexander Mesa meluahkan rasa kehilangan (kematian) seseorang yang teramat dekat atau disayangi.

Seseorang yang menjadi tempat untuk bergantung, mengadu dan mendapatkan nasihat. Rangkap pertama melakarkan tentang penulis yang digamit kesedihan saat melihat jasad insan berkenaan yang terkujur.

Seperti yang lazim dipaparkan dalam penulisan puisi, cerpen, atau novel, pun lewat penayangan drama dan filem, kehilangan yang sedemikian sifatnya digambarkan lewat tangisan untuk membangkitkan perasaan sayu dan hiba. Penulis menukilkan perasaan yang dialami seperti yang berikut;

*Ini kali air mataku
berderai
Sebak di dada tidak
tertahan
Melihat dikau terbaring
kaku*

*Tanpa ada kedapan nadi
Baris pertama memperlihatkan unsur inversi melalui*

frasa *ini kali*. Hal yang sedemikian ini membangkitkan keindahan. Namun, hanya setakat itu. Lebih indah jika baris berkenaan dinukilkan *ini kali berderai air mataku*. Inversi penuh dan bukannya separa. Akan tetapi keindahan pada permulaan tidak dapat dikekalkan oleh Alexander.

Alangkah moleknnya jika Alexander mampu menerapkan unsur ini secara terkawal dalam rangkap-rangkap yang seterusnya. Turut terkesan pemilihan diksi yang kurang persis pada baris keempat, iaitu *kedapan*, yang diguna pakai untuk menjelaskan terhentinya denyutan nadi.

Lewat rangkap kedua dan terakhir, penulis meluahkan kesedihan beliau kerana kehilangan tepat berpaut dan berbicara di samping mendapatkan kata rangsangan atau nasihat dalam menempuhi kehidupan. Lantas, tinggallah dia sendirian untuk mendepani masa depan berbekalkan memori yang tidak mungkin sirna.

Pemilihan diksi yang persis merupakan salah satu daripada kelemahan yang dapat dikesani. Seperti juga halnya dengan dua orang penulis di atas. Keterbatasan pengetahuan tentang kosa kata bahasa Melayu, menyukarkan ketiga-tiga orang penulis menterjemahkan mesej dengan lebih berkesan, di samping menyerlahkan unsur keindahan dalam puisi yang dihasilkan. Dalam konteks puisi *Wajah Rindu* ini ketiga-tiga rangkap di atas dapat diringkaskan menjadi seperti yang berikut (sekadar contoh);

*Kepemergianmu,
akulah pengembara
gurun
yang kehilangan geluk*

Tidak jelas insan yang dimaksudkan Alexander dalam puisinya. Hanya mampu diteka sama ada insan berkenaan ibu atau bapa penulis. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kehilangan insan berkenaan pastinya meninggalkan kesan emosi yang

amat mendalam. Namun, untuk menyatakan bahawa dengan kehilangan yang sedemikian itu, seseorang itu *bersendirian meniti jambatan hidup* kurang persis. Hakikatnya dalam kehidupan bermasyarakat, masih ada insan-insan sekeliling yang dapat dijadikan teman untuk berbicara serta meluahkan perasaan. Walaupun tidak serupa, namun, sifat peka terhadap kesudahan insan lain itu masih wujud. Memang tidak dinafikan saat ditimpa musibah, perasaan berkenaan muncul. Namun, andai ditaakuli, pernyataan sedemikian sekadar sebagai penagihan simpati. Lantas dalam berkarya, elemen seumpama ini perlu ditaa-kuli.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga puisi ini boleh diperbaiki. Penulis perlu membuat kerja rumah dengan meneliti puisi-puisi penulis yang telah menem- pa nama dalam genre ini di samping banyak membaca buku-buku yang berkaitan dengan penulisan puisi.

Kekuatan sesebuah puisi bergantung pada keberkesananannya dalam menyalurkan mesej yang ingin disampaikan sehingga pembaca rasa teruja.

Diksi harus persis dan tepat. Keindahan dalam karya perlu diberikan tumpuan. Nilai estetika dalam pengkaryaan perlu dipelihara. Jangan disebabkan dalam keghairahan dan kobar semangat untuk melahirkan puisi yang baik, kita direncatkan dengan diksi yang bombastik dan kurang persis. Rujuk kamus. Untuk menjadi penulis, amalan ini harus ditingkatkan.

Kepada Jessica Paula, Ferdrick Agam dan Alexander, syabas kerana berani mencuba. Jangan patah semangat. Teguran yang diberikan sewajarnya dijadikan panduan untuk memantapkan diri dalam dunia pengkaryaan. Banyaklah membaca dan giatkan usaha anda. Semoga berjaya!